



Asar bersama replika cek pada **majlis Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pahang** di Dewan Jubli Perak, Kuantan, semalam.

[FOTO HALIM MAT ALI]

## Pensyarah cipta aplikasi tulisan jawi

BTC (WTAJATT) MS. NG 25/1/13

**Kuantan:** Penat lelah dalam mencipta aplikasi penggunaan tulisan jawi yang dinamakan Asarfonts berjaya melayakkkan pensyarah Universiti Malaysia Pahang, Asar Abdul Karim, 39, menerima Anugerah Maulidur Rasul, di sini, semalam.

Anugerah itu diberikan berdasarkan kejayaan beliau mencipta aplikasi berkenaan yang dapat menyelesaikan masalah berkaitan penggunaan tulisan jawi sekarang.

Asar berkata, penghargaan itu meniuup semangatnya untuk mencipta pelbagai aplikasi seumpama itu supaya memudahkan masyarakat Islam menggunakan tulisan jawi dalam urusan seharian.

"Kegembiraan saya sukar untuk diungkapkan dengan kata-kata kerana ia anugerah pertama saya. Sebelum ini saya banyak terbabit dalam penulisan buku agama sejak kira-kira lima tahun lalu.

"Anugerah ini menjadi pemangkin untuk terus berbakti kepada masyarakat Islam sejagat," katanya ketika ditemui pada majlis Sambutan Maulidur Rasul, di sini.

**“Anugerah ini menjadi pemangkin untuk terus berbakti kepada masyarakat Islam sejagat”**

**Asar Abdul Karim,**  
Penerima Anugerah Maulidur Rasul peringkat negeri Pahang

di sini, semalam.

Hadir sama, Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom; Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul di Dewan Jubli Perak,

Asar berkata, beliau lebih mudah untuk berdakwah menerusi penulisan buku dan sehingga kini beliau sudah menghasilkan lebih 40 jenis buku agama dan bahasa Arab.

Seorang lagi penerima, Mohd Nainar Sheikh Dawood, 66, berkata, tugas seorang pendakwah pada masa kini berdepan dengan cabaran amat hebat termasuk pengaruh anasir luar yang boleh menggo-yahkan akidah.

Katanya, beliau menjadikan perjuangan dan pengorbanan Rasulullah dalam mengembangkan agama Islam sebagai panduannya untuk berdakwah.

### Selésai masalah

Katanya, perisian berkenaan mampu menyelesaikan masalah kestabilan huruf jawi dan transliterasi bahasa Arab dengan hanya menuip menggunakan satu huruf saja.

Beliau antara empat individu menerima Anugerah Maulidur Rasul yang disampaikan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul di Dewan Jubli Perak,